

1. **Visual bunting hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan**, dan tidak menimbulkan sensitiviti masyarakat tempatan. Sekiranya Bahasa Kebangsaan digunakan dengan apa-apa Bahasa lain dalam sesuatu iklan, **perkataan dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah berukuran tiga puluh peratus lebih besar.**
2. **Tulisan Jawi diwajibkan** dan **saiz hendaklah berukuran sama atau lebih besar** daripada perkataan dalam Bahasa Kebangsaan yang digunakan. Tulisan Jawi hendaklah diletakkan dibahagian atas perkataan utama. Perkataan dalam Bahasa lain hendaklah diletakkan dibawah perkataan Bahasa Kebangsaan. Khat Tulisan Jawi yang dibenarkan ialah jenis ***Uthman Taha, Sakkal Majalla, dan Arabic Style.***
3. Slogan “**KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI DAN BAHAGIA**” dan logo **ASEAN Clean Tourist City Award 2026-2028** serta maklumat syarikat mencetak bunting dibahagian bawah.
4. Permohonan permit bunting boleh dilakukan dengan melengkapkan Borang BL2 (Borang Permohonan Permit Perniagaan (Komposit) dan pemohon dikehendaki untuk sertakan bersama:
 - A) Salinan visual
 - B) Salinan sijil DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka) atau Pengesahan Ahli Panel Munsyi Jawi.
 - C) Pengesahan KPDNKK (bagi permohonan yang melibatkan jualan murah, lelongan dan diskaun)
 - D) Salinan kelulusan aktiviti (sekiranya berkaitan)
5. Tempoh pemasangan tidak melebihi satu 1(Bulan).
6. Saiz dibenarkan adalah 2' x 6' sahaja.
7. Tidak dibenarkan memasang bunting pada:
 - A) Tiang-tiang lampu antik di Jalan Mahkota.
 - B) Pokok-pokok.
 - C) Di tiang pertama di lampu isyarat.
 - D) Lampu isyarat dan papan-papan tanda jalan JKR.
 - E) Jejambat, Jejantas dan, Jambatan.
 - F) Kotak suis pada tiang atau lampu isyarat
8. Tidak dibenarkan memasang bunting di lokasi:
 - A) Jalan Protokol dari lampu isyarat Persimpangan Jambatan Tanjung Lumpur Hingga ke Teluk Chempedak.
 - B) Jalan Tengku Muhammad.
 - C) Jalan Semambu
 - D) Jalan Bukit Istana
 - E) Jalan KotaSAS
9. Ketinggian bunting yang dipasang hendaklah sekurang-kurangnya empat (4) kaki antara bahagian bawah bunting dengan tanah kecuali yang mempunyai 'light box' hendaklah dipasang rapat dengan *box* tersebut.
10. Perlu menyelenggara bunting yang dipasang dengan baik sepanjang tempoh pemasangan. Mana-mana bunting yang koyak, jatuh, dan sebagainya perlu dibaiki.
11. QR Code yang dibekalkan wajib dipamerkan di penjuru bawah bunting dan sepanduk mengikut saiz yang telah diberikan.

12. Pihak pemegang permit hendaklah mengalihkan semua bunting dalam tempoh 3 hari selepas tamat tempoh permit.
13. Pihak syarikat tidak dibenarkan menanggalkan bunting yang telah sedia ada digantung atau menggantung secara berlapis dengan bunting sedia ada.
14. Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau yang telah ditinggal atau dicabut oleh pihak Majlis kerana tidak diselenggara dengan baik.
15. Pihak Majlis boleh melucut hak deposit sekiranya pihak pemegang permit gagal mengalihkan semua bunting yang telah tamat tempoh, atau melanggar mana-mana syarat seperti yang telah ditetapkan oleh Pihak Majlis sepanjang tempoh pemasangan.
16. Permohonan pemulangan wang deposit bunting hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat permit. Sekiranya gagal berbuat demikian, wang deposit berkenaan akan dilupuskan.
17. Permohonan pemulangan wang deposit bunting boleh dibuat dengan melengkapkan Borang 14 (Permohonan Bayaran Balik Wang Deposit) dan pemohon dikehendaki disertakan bersama:
 - A) Resit asal bayaran wang pertaruhan(deposit)
 - B) Salinan kad pengenalan (I/C) pemohon (nama pemohon hendaklah sama seperti pada resit bayaran.
 - C) Salinan buku akaun bank/penyata yang menunjukkan nombor akaun pemohon.
18. Mematuhi syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa.



Bunting



Sepanduk



QR CODE LOGO ASEAN CLEAN TOURIST CITY AWARD 2026-2028